



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA STAF SARJAN HAJI HAMDAN
BIN ABDUL AZIZ MENGENAI PENGALAMAN BELIAU
MENGENDALIKAN KERETA KEBAL (APC B100) PERTAMA DI TANAH
MELAYU PADA TAHUN 1971/1972**

DISEDIAKAN OLEH:

**HAZREE AZMIR BIN RIAMIRA
MOHD AZROL BIN MUSA
WAN MUHAMMAD SYAFIQ BIN WAN YUSOFF**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN JOHOR
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
KURSUS IMR604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

SEMESTER 5 (SEPTEMBER 2014 – JANUARI 2015)

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi, dengan limpah kurnianNya dapat kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Pelbagai cabaran dan dugaan yang telah kami tempohi bagi menyiapkan tugas ini. Namun, ia adalah suatu hadiah yang tidak ternilai yang dapat kami berikan kepada pihak fakulti. Ia adalah sesuatu informasi yang berharga kepada kepentingan negara. Ia adalah satu kejayaan yang besar bagi kami setelah dapat menyiapkan tugas ini.

Seterusnya, beribu terima kasih dan sebesar – besar penghargaan kepada insan yang bertanggungjawab dalam membantu kami untuk menyediakan dan menyiapkan tugas ini. Insan yang mulia ini adalah Puan Azura Bin Kamaruzaman. Beliau merupakan tenaga pengajar bagi subjek IMR604, iaitu Dokumentasi Lisan. Beliau adalah seorang yang berdedikasi dalam menyampaikan maklumat mengenai subjek ini. Beliau juga amat mudah untuk didekati dan sentiasa memberikan respon yang positif apabila kami mengemukakan pertanyaan kepada beliau. Apabila kami menghadapi masalah mengenai tugas ini, beliau adalah sumber rujukan kami selain dari bahan – bahan bacaan lain. Semua teguran – teguran beliau membuatkan kami sentiasa bersemangat untuk menyiapkan tugas ini. Kami hargai semua teguran yang beliau berikan kepada kami.

Setinggi – tinggi penghargaan di berikan kepada insan yang menjadi nadi dalam tugas ini. Beliau adalah Haji Hamdan bin Abdul Aziz, yang merupakan Staf Sarjan dalam Rejimen Askar Melayu Diraja. Kami berterima kasih kepada beliau, kerana sudi berkongsi pengalaman beliau sebagai salah seorang Rejimen Askar Melayu Diraja dan sebagai pengendali kereta kebal (APC B100) di Tanah Melayu. Pengalaman beliau menjadikan tugas ini amat istimewa buat kami dan kami berharap hasil wawancara bersama beliau dapat dijadikan sumber rujukan kepada generasi akan datang.

Beliau amat mesra dan sentiasa memberi kerjasama yang baik terhadap kami samada semasa wawancara atau pun dalam hal berkaitan dengan tugas ini. Beliau bukan sahaja berkongsi mengenai pengalaman beliau, malah turut memberikan kata – kata nasihat kepada kami, dan itu adalah suatu pemberian yang tidak ternilai buat kami.

ISI KANDUNGAN

	<i>Isi Kandungan</i>	<i>Muka surat</i>
1.	<i>Penghargaan</i>	I
1.0	Abstrak	1
2.0	Pengenalan	2 - 7
2.1	Rejimen Askar Melayu Diraja.....	2
2.2	Sembilan (9) Rejimen Askar Melayu Diraja.....	3
2.3	Sejarah Kereta Kebal.....	6
2.4	Armored Personnel Carrier (APC) [Pengangkut Anggota berperisai].....	7
3.0	Biodata Tokoh	8
4.0	Transkrip Wawancara	10
5.0	Log Wawancara	73
6.0	Senarai Soalan Wawancara	84
7.0	Kronologi.....	92
8.0	Ralat.....	96
2.	Senarai Rujukan	97
3.	Lampiran	98
4.	Indeks	100

1.0 ABSTRAK

Transkrip wawancara ini menyentuh mengenai pengalaman seorang askar yang mengendalikan kereta kebal (APC B100) yang pertama di Tanah Melayu pada tahun 1971/1972. Wawancara yang berlangsung selama dua jam tujuh minit ini menceritakan serba sedikit mengenai latar belakang beliau, namun, lebih memfokuskan kepada pengalaman beliau dalam menghadapi operasi – operasi yang melibatkan penggunaan kereta kebal. Beliau adalah Staf Sarjan Haji Hamdan Bin Abdul Aziz, yang merupakan APC Komander dalam Unit Kenderaan. Detik – detik mencemaskan dalam operasi beliau, apabila, beliau perlu menghadapi tiga halangan berturut - turut sebelum dapat menyelamatkan anggota lain yang telah diserang hendap oleh Komunis. Kredibiliti dan pengalaman sebagai seorang askar terserlah di mata masyarakat, apabila, beliau telah di lantik sebagai Penghulu Kampung Paya Jakas. Sekarang beliau meluangkan masa dengan kaum keluarga setelah bersara dari Penghulu Kampung.

2.0 PENGENALAN

Pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh pemerintah Tanah Melayu ketika Tanah Melayu di jajah oleh penjajah luar. Niat mereka adalah untuk menakluki Tanah Melayu bagi kepentingan diri mereka sendiri, tanpa memikirkan nasib orang – orang melayu. Kehadiran Komunis di Tanah Melayu, semakin menambah keperitan orang melayu, selepas kekalahan Jepun. Dalam proses menamatkan ancaman – ancaman luar ini, pemerintah menubuhkan pelbagai angkatan tentera, termasuklah Rejimen Askar Melayu Diraja. Mereka sentiasa menyediakan kelengkapan senjata dan kenderaan yang terbaik kepada setiap anggota termasuklah kereta kebal.

2.1. Sejarah Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD)

Usaha untuk menubuhkan satu pasukan pertahanan yang dianggotai oleh anak-anak Melayu bermula sejak tahun 1902. Banyak perbincangan oleh Raja-Raja Melayu dan Penasihat-Penasihat British telah dijalankan bagi merealisasikan impian ini. Dalam tahun 1913, Almarhum Sultan Alang Iskandar Syah, Almarhum DYMM Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhamad Ibni Yam Tuan Antah, Almarhum Raja Di Hilir Perak, Raja Sir Chulan dan Allahyarham Undang Rembau, Datuk Abdullah bin Haji Dahan telah mula menyuarakan hasrat penubuhan pasukan Askar Melayu. Hasrat Raja-Raja ini telah menjadi kenyataan apabila di dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Persekutuan pada 23 Januari 1933, Rang Undang-Undang Askar Melayu telah diluluskan dan dikenali sebagai Undang-Undang No 11.

Pada 1 Mac 1933, seramai 25 orang anak watan Melayu pertama telah melaporkan diri di Haig Lines, Port Dickson untuk menjadi aset pertahanan terawal dalam sejarah negara. Lambang Harimau Berjuang dan Mahkota Bersendi Lima beserta Keris Bersilang adalah merupakan hasil karya Pegawai Memerintah yang Pertama Rejimen ini iaitu Lt Kol G. Mc. S Bruce. 'Harimau Berjuang' melambangkan Kepahlawanan yang Gagah Berani laksana harimau dan sedia berkawal di setiap pelosok Negara. 'Mahkota Bersendi Lima dan Keris Bersilang' melambangkan